

**FOKUS UTAMA AUDIT  
(KEY AUDIT AREA)**

**PENGURUSAN LIABILITI PERSEKUTUAN**

---

## PENGURUSAN LIABILITI PERSEKUTUAN

---

### 1. LIABILITI PERSEKUTUAN

Liabiliti Persekutuan terdiri daripada Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang berjumlah RM1.492 trilion pada tahun 2023 berbanding RM1.400 trilion pada tahun 2022.

#### 1.1. Pinjaman

1.1.1. Pinjaman Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Pada tahun 2023, keseluruhan terimaan pinjaman adalah berjumlah RM241.509 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM10.144 bilion (4.4%) berbanding RM231.365 bilion pada tahun 2022. Terimaan pinjaman baharu hanya bagi Pinjaman Dalam Negeri, manakala tiada pinjaman baharu dicatatkan bagi Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri.


1.1.2. Sejumlah RM140.176 bilion daripada RM241.509 bilion telah digunakan untuk membayar balik prinsipal pinjaman yang matang pada tahun 2023, menjadikan terimaan bersih pinjaman berjumlah RM101.333 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.496 bilion (1.5%) berbanding RM99.837 bilion pada tahun 2022. Peningkatan pinjaman baharu ini adalah disebabkan oleh peningkatan pembayaran balik pinjaman yang matang dan bagi membiayai defisit berjumlah RM90.887 bilion pada tahun 2023. Ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan Persekutuan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang.

1.1.3. Kerajaan Persekutuan memperoleh premium bersih daripada terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia sejumlah RM4.115 bilion dan RM4.661 bilion bagi terbitan instrumen Terbitan Pelaburan Kerajaan. Jumlah premium bersih adalah RM8.776 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM0.416 bilion. Keseluruhan amaun premium telah dilaraskan kepada Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan.

1.1.4. Sejumlah RM92.408 bilion telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan (KWP). Sejumlah RM66.274 bilion (71.7%) daripada jumlah tersebut telah digunakan untuk perbelanjaan pembangunan. Manakala sejumlah RM24.173 bilion (26.2%) telah digunakan untuk penyaluran geran komitmen jaminan, iaitu meningkat sejumlah RM7.087 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM17.086 bilion. Baki selebihnya sejumlah RM1.961 bilion (2.1%)

digunakan untuk pelunasan komitmen Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (Liabiliti PFI). Butiran adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**PENGGUNAAN PINJAMAN BAHARU BAGI TAHUN 2023 BERBANDING 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2023 dan 2022

Nota: \*Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang COVID-19 berjumlah RM30.880 bilion

## 1.2. Hutang Persekutuan

1.2.1. Hutang Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang agensi atau syarikat Kerajaan. Hutang Persekutuan terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri. Komponen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan (Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [*Akta 188*]), Terbitan Pelaburan Kerajaan (Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*]), Sekuriti Kerajaan Malaysia (Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*]) dan Sukuk Perumahan (Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [*Akta 42*]). Manakala Pinjaman Luar Negeri terdiri daripada Pinjaman Pasaran dan Sukuk (Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [*Akta 403*]).

1.2.2. Bantuan Luar Negeri pula terdiri daripada Pinjaman Multilateral dan Pinjaman Bilateral. Pinjaman Multilateral adalah pinjaman jangka panjang dengan institusi kewangan antarabangsa bagi membiayai projek pembangunan Kerajaan, badan berkanun dan agensi Kerajaan. Pinjaman ini tertakluk kepada Akta Pinjaman (Bank Antarabangsa) 1958 [*Akta 411*], Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [*Akta 187*] dan Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 [*Akta 410*]. Manakala Pinjaman Bilateral merupakan pinjaman jangka panjang antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara lain bagi membiayai projek pembangunan Kerajaan, badan berkanun dan agensi Kerajaan. Pinjaman ini tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [*Akta 403*].

1.2.3. Pada tahun 2023, Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM1.173 trilion, iaitu meningkat sejumlah RM92.918 bilion (8.6%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM1.080 trilion. Hutang Persekutuan terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM1.143 trilion (97.5%) daripada jumlah keseluruhan Hutang Persekutuan dan Hutang Luar Negeri berjumlah RM29.851 bilion (2.5%). Pinjaman Dalam Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM92.580 bilion (8.8%), manakala Hutang Luar Negeri meningkat sejumlah RM0.338 bilion (1.1%).

1.2.4. Kedudukan Hutang Persekutuan pada tahun 2023 berbanding 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1** dan trend kedudukan Hutang Persekutuan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2**.


**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
<b>PINJAMAN DALAM NEGERI :</b>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	589.858	538.178	51.680	9.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan	527.300	471.300	56.000	11.9
Bil Perbendaharaan Islamik	14.500	22.500	(8.000)	(35.6)
Sukuk	5.500	9.100	(3.600)	(39.6)
Bil Perbendaharaan Konvensional	5.500	9.000	(3.500)	(38.9)
<b>Jumlah Pinjaman Dalam Negeri</b>	<b>1,142.658</b>	<b>1,050.078</b>	<b>92.580</b>	<b>8.8</b>
<b>PINJAMAN LUAR NEGERI :</b>				
Pinjaman Pasaran	26.224	25.543	0.681	2.7
<b>Jumlah Pinjaman Luar Negeri</b>	<b>26.224</b>	<b>25.543</b>	<b>0.681</b>	<b>2.7</b>
<b>BANTUAN LUAR NEGERI :</b>				
Pinjaman Bilateral	3.568	3.887	(0.319)	(8.2)
Pinjaman Multilateral	0.059	0.083	(0.024)	(28.9)
<b>Jumlah Bantuan Luar Negeri</b>	<b>3.627</b>	<b>3.970</b>	<b>(0.343)</b>	<b>(8.6)</b>
<b>HUTANG LUAR NEGERI*</b>	<b>29.851</b>	<b>29.513</b>	<b>0.338</b>	<b>1.1</b>
<b>HUTANG PERSEKUTUAN</b>	<b>1,172.509</b>	<b>1,079.591</b>	<b>92.918</b>	<b>8.6</b>

Sumber: Nota 10(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

Nota: \*Hutang Luar Negeri terdiri daripada Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri

**CARTA 2**  
**KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

1.2.5. Hutang Persekutuan yang berjumlah RM775.657 bilion (66.1%) akan matang dalam tempoh 1 hingga 10 tahun, sejumlah RM271.819 bilion (23.2%) akan matang dalam tempoh 11 hingga 20 tahun dan sejumlah RM125.034 bilion (10.7%) akan matang dalam tempoh 21 hingga 30 tahun. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN PENGUSIAAN TEMPOH**  
**MATANG HUTANG PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2023**

INSTRUMEN HUTANG KERAJAAN	TEMPOH MATANG			JUMLAH
	1-10 TAHUN (RM JUTA)	11-20 TAHUN (RM JUTA)	21-30 TAHUN (RM JUTA)	RM JUTA
Sekuriti Kerajaan Malaysia	381,254.07	142,066.46	66,537.20	589,857.73
Terbitan Pelaburan Kerajaan	347,500.00	128,300.00	51,500.00	527,300.00
Pinjaman Pasaran	19,339.00	-	6,885.00	26,224.00
Bil Perbendaharaan Islamik	14,500.00	-	-	14,500.00
Bil Perbendaharaan Konvensional	5,500.00	-	-	5,500.00
Sukuk	5,500.00	-	-	5,500.00
Pinjaman Bilateral	2,003.74	1,452.10	112.14	3,567.98
Pinjaman Multilateral	59.74	-	-	59.74
<b>JUMLAH</b>	<b>775,656.55</b>	<b>271,818.56</b>	<b>125,034.34</b>	<b>1,172,509.45</b>

Sumber: Lampiran 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

1.2.6. Pada tahun 2023, had statutori hutang yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM1.132 trilion adalah bersamaan dengan 62.1% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Nisbah statutori hutang tahun 2023 adalah lebih tinggi berbanding

tahun 2022 yang berada pada kedudukan 57.5% kepada KDNK. Nisbah had statutori hutang kepada KDNK pada tahun 2023 tidak melebihi 65% seperti yang dinyatakan dalam Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang Yang Diterima) 2022 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023.

1.2.7. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2023 adalah pada kedudukan 64.3%, iaitu meningkat sebanyak 4.1% berbanding tahun 2022 yang berada pada kedudukan 60.2%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PERATUSAN NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN**  
**KEPADA KDNK PADA TAHUN 2019 HINGGA TAHUN 2023**

PERKARA	TAHUN				
	2019 (RM BILION)	2020 (RM BILION)	2021 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	2023 (RM BILION)
Jumlah Hutang Persekutuan	792.998	879.560	979.814	1,079.591	1,172.509
KDNK	1,512.738	1,418.491	1,548.701	1,793.903	1,822.904
<b>Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK (%)</b>	<b>52.4</b>	<b>62.0</b>	<b>63.3</b>	<b>60.2</b>	<b>64.3</b>
Jumlah Statutori Hutang	735.433	820.684	922.484	1,031.978	1,131.658
<b>Nisbah Statutori Hutang Kepada KDNK (%)</b>	<b>48.6</b>	<b>57.9</b>	<b>59.6</b>	<b>57.5</b>	<b>62.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023, Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2022 dan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2024

1.2.8. Bagi menambah baik pengurusan Hutang Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pembaharuan fiskal dengan kelulusan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [*Akta 850*] di Parlimen pada 11 Oktober 2023. Antara komitmen jangka sederhana yang digariskan dalam akta tersebut adalah baki fiskal sebagai peratusan kepada KDNK  $\leq -3\%$ , paras hutang sebagai peratusan kepada KDNK  $\leq 60\%$  dan Jaminan Kewangan sebagai peratusan kepada KDNK  $\leq 25\%$ .

1.2.9. Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah rasionalisasi dan konsolidasi defisit secara berperingkat, iaitu pengurangan defisit daripada 5.5% pada tahun 2022 kepada 5.0% pada tahun 2023. Pada tahun 2024, defisit fiskal diunjurkan kepada 4.3% dan kurang daripada 3% untuk tahun-tahun berikutnya. Bagi pengurusan hutang negara, langkah-langkah pengurangan hutang daripada 64.3% kepada KDNK pada tahun 2023 sehingga mencapai 60% menjelang tahun 2030.

### 1.2.10. Prestasi Bayaran Balik Pinjaman dan Perbelanjaan Kerana Hutang Negara

- a. Bayaran balik prinsipal pinjaman matang pada tahun 2023 adalah berjumlah RM140.176 bilion meningkat sejumlah RM8.648 bilion (6.6%) berbanding RM131.528 bilion pada tahun 2022. Bayaran balik prinsipal pinjaman matang ini dibiayai melalui pinjaman baharu.
- b. Perbelanjaan kerana hutang negara yang dikenakan kepada Vot T13 mencatatkan peningkatan kerana kenaikan Hutang Persekutuan. Pada tahun 2023, perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM46.331 bilion, meningkat sejumlah RM5.062 bilion (12.3%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM41.269 bilion. Peratusan perbelanjaan kerana hutang negara berbanding kutipan hasil tahun 2023 yang berjumlah RM314.959 bilion adalah pada nisbah 14.7% berbanding 14.0% pada tahun 2022.
- c. Perbelanjaan kerana hutang negara merangkumi faedah atas instrumen pinjaman Kerajaan Persekutuan, potongan atas Bil Perbendaharaan, bayaran keuntungan atas Terbitan Pelaburan Kerajaan, bayaran pengurusan atas Pinjaman Dalam Negeri dan Luar Negeri. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.


**JADUAL 4**  
**PERINCIAN PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA BAGI TAHUN 2023**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)	RM JUTA	%
1.	Faedah atas Sekuriti Kerajaan Malaysia	22,962.16	20,707.43	2,254.73	10.9
2.	Bayaran Keuntungan atas Terbitan Pelaburan Kerajaan	21,191.05	18,365.08	2,825.97	15.4
3.	Potongan atas Bil Perbendaharaan	1,130.63	743.96	386.67	52.0
4.	Faedah atas Pinjaman Sukuk Dalam Negeri	327.06	736.10	(409.04)	(55.6)
5.	Bayaran Pengurusan atas Pinjaman Dalam Negeri	0.75	0.63	0.12	19.0
<b>Jumlah Dalam Negeri</b>		<b>45,611.65</b>	<b>40,553.20</b>	<b>5,058.45</b>	<b>12.5</b>
6.	Faedah atas Pinjaman Pasaran Luar Negeri	667.93	656.62	11.31	1.7
7.	Faedah atas Pinjaman Bilateral dan Multilateral	49.83	56.84	(7.01)	(12.3)
8.	Bayaran Pengurusan atas Pinjaman Luar Negeri	1.96	2.27	(0.31)	(13.7)
<b>Jumlah Luar Negeri</b>		<b>719.72</b>	<b>715.73</b>	<b>3.99</b>	<b>0.6</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>46,331.37</b>	<b>41,268.93</b>	<b>5,062.44</b>	<b>12.3</b>

Sumber: Data iGFMAS

- d. Trend bayaran balik prinsipal pinjaman matang dan Perbelanjaan Kerana Hutang Negara bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**TREND BAYARAN BALIK PRINSIPAL PINJAMAN MATANG DAN PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2019 hingga 2023

Nota: \*Bayaran Prinsipal Matang dan Perbelanjaan Kerana Hutang Negara

### 1.3. Komitmen Kewangan

1.3.1. Komitmen Kewangan ialah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan. Komitmen Kewangan terdiri daripada Komitmen Jaminan, Komitmen Pajakan Kewangan, Komitmen Bayaran Balik Cukai dan Komitmen Pampasan. Kedudukan Komitmen Kewangan pada 31 Disember 2023 adalah berjumlah RM285.634 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.139 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM285.495 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**KEDUDUKAN KOMITMEN KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Komitmen Jaminan	227.404	224.116	3.288	1.5
2.	Komitmen Pajakan Kewangan	31.303	33.727	(2.424)	(7.2)
3.	Komitmen Bayaran Balik Cukai	25.511	25.721	(0.210)	(0.8)
4.	Komitmen Pampasan	1.416	1.931	(0.515)	(26.7)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>285.634</b>	<b>285.495</b>	<b>0.139</b>	<b>0.05</b>

Sumber: Nota 10(c), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

### 1.3.2. Komitmen Jaminan

- a. Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*] dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan. Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan peruntukan kepada syarikat bagi melunaskan pinjaman yang dibuat oleh syarikat yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2023, sebanyak 13 syarikat mempunyai baki Komitmen Jaminan untuk memenuhi obligasi pinjaman masing-masing.
- b. Komitmen Jaminan berjumlah RM227.404 bilion meningkat sejumlah RM3.288 bilion (1.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM224.116 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**KEDUDUKAN KOMITMEN JAMINAN PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022**

BIL.	SYARIKAT	KOMITMEN JAMINAN		PERUBAHAN	
		2023 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)	RM JUTA	%
1.	DanaInfra Nasional Berhad	82,760.00	82,680.00	80.00	0.1
2.	Prasarana Malaysia Berhad	42,569.00	42,369.00	200.00	0.5
3.	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	41,393.89	30,851.35	10,542.54	34.2
4.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	23,108.04	22,403.41	704.63	3.1
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	6,927.90	-	6,927.90	100.0
6.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,167.94	6,485.31	(317.37)	(4.9)
7.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	5,057.35	5,420.93	(363.58)	(6.7)
8.	1Malaysia Development Berhad	5,000.00	18,170.00	(13,170.00)	(72.5)
9.	Govco Holdings Berhad	4,325.00	4,625.00	(300.00)	(6.5)
10.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	4,185.00	4,810.00	(625.00)	(13.0)
11.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	3,200.00	4,500.00	(1,300.00)	(28.9)
12.	MKD Signature Sdn. Bhd.	1,560.00	-	1,560.00	100.0
13.	TRX City Sdn. Bhd.	1,150.00	1,150.00	-	-
14.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	-	600.00	(600.00)	(100.0)
15.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	-	50.58	(50.58)	(100.0)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>227,404.12</b>	<b>224,115.58</b>	<b>3,288.54</b>	<b>1.5</b>

Sumber: Nota 10(c)(i) dan Lampiran 8, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

- c. Pada tahun 2023, terdapat terbitan pinjaman baharu antaranya oleh syarikat DanaInfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.

- d. Komitmen Jaminan berjumlah RM65.722 bilion (28.9%) akan matang dalam tempoh satu hingga lima tahun, sejumlah RM46.995 bilion (20.7%) akan matang dalam tempoh enam hingga 10 tahun dan sejumlah RM114.687 bilion (50.4%) akan matang dalam tempoh 11 tahun ke atas. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**KEDUDUKAN PENGUSIAAN TEMPOH MATANG PINJAMAN**  
**KOMITMEN JAMINAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI	TEMPOH MATANG			JUMLAH
		1-5 TAHUN (RM JUTA)	6-10 TAHUN (RM JUTA)	11 TAHUN DAN KE ATAS (RM JUTA)	RM JUTA
1.	DanaInfra Nasional Berhad	16,870.00	15,460.00	50,430.00	82,760.00
2.	Prasarana Malaysia Berhad	13,964.00	10,600.00	18,005.00	42,569.00
3.	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	7,065.00	1,795.00	32,533.89	41,393.89
4.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	11,564.87	11,543.17	-	23,108.04
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	6,027.90	-	900.00	6,927.90
6.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	-	-	6,167.94	6,167.94
7.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	2,300.00	1,857.35	900.00	5,057.35
8.	1Malaysia Development Berhad	-	-	5,000.00	5,000.00
9.	Govco Holdings Berhad	2,075.00	2,250.00	-	4,325.00
10.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	1,945.00	2,240.00	-	4,185.00
11.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	1,200.00	1,250.00	750.00	3,200.00
12.	MKD Signature Sdn. Bhd.	1,560.00	-	-	1,560.00
13.	TRX City Sdn. Bhd.	1,150.00	-	-	1,150.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>65,721.77</b>	<b>46,995.52</b>	<b>114,686.83</b>	<b>227,404.12</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 dan dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

**e. Prestasi Penyaluran Geran Bayaran Balik Pinjaman**

- i. Pada tahun 2023, Kerajaan Persekutuan telah membuat penyaluran geran berjumlah RM24.203 bilion kepada 12 daripada 13 syarikat yang mempunyai baki Komitmen Jaminan. Penyaluran ini menggunakan vot mengurus dan juga vot pembangunan. Jumlah pemberian ini meningkat sejumlah RM6.911 bilion (40.0%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM17.292 bilion untuk 12 syarikat. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8**.


**JADUAL 8**  
**PENYALURAN GERAN**  
**BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022**

BIL.	SYARIKAT	TAHUN				PERUBAHAN	
		2023 (RM JUTA)			2022		
		SUMBER PEMBIAYAAN			RM JUTA	RM JUTA	%
		VOT MENGURUS	VOT PEMBANGUNAN	JUMLAH			
1.	1Malaysia Development Berhad	-	13,000.00	13,000.00	1,530.00	11,470.00	749.7
2.	DanaInfra Nasional Berhad	-	3,218.42	3,218.42	6,855.99	(3,637.57)	(53.1)
3.	Prasarana Malaysia Berhad	-	2,700.00	2,700.00	4,652.49	(1,952.49)	(42.0)
4.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	-	1,471.82	1,471.82	199.58	1,272.24	637.5
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	-	990.00	990.00	-	990.00	100.0
6.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	-	812.70	812.70	718.40	94.3	13.1
7.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	-	661.39	661.39	701.53	(40.14)	(5.7)
8.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	-	646.13	646.13	332.60	313.53	94.3
9.	Govco Holdings Berhad	-	506.01	506.01	868.12	(362.11)	(41.7)
10.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	-	124.00	124.00	100.00	24.00	24.0
11.	MKD Signature Sdn. Bhd.	-	42.14	42.14	-	42.14	100.0
12.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	30.00	-	30.00	106.27	(76.27)	(71.8)
13.	SRC International Sdn. Bhd.	-	-	-	1,026.87	(1,026.87)	(100.0)
14.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	-	-	-	200.00	(200.00)	(100.0)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30.00</b>	<b>24,172.61</b>	<b>24,202.61</b>	<b>17,291.85</b>	<b>6,910.76</b>	<b>40.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

- ii. Trend penyaluran geran bayaran balik pinjaman syarikat bagi tempoh 2019 hingga 2023 (lima tahun) adalah seperti dalam **Carta 4**.

**CARTA 4**  
**TREND PENYALURAN GERAN BAYARAN**  
**BALIK PINJAMAN SYARIKAT BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

**f. Prestasi Penyaluran Geran Selain Bayaran Balik Pinjaman**

Selain penyaluran geran bayaran balik pinjaman, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan kepada syarikat yang pinjamannya dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Daripada 12 syarikat yang menerima peruntukan bagi bantuan bayaran balik pinjaman, sebanyak lima syarikat telah menerima peruntukan sejumlah RM5.061 bilion bagi tujuan perbelanjaan operasi, pelunasan hutang, suntikan modal dan bayaran kupon sukuk menggunakan vot amanah. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENYALURAN GERAN SELAIN**  
**BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT PADA TAHUN 2023**

BIL.	SYARIKAT	TARIKH PENYALURAN	TUJUAN PENYALURAN	JUMLAH (RM JUTA)
1.	1Malaysia Development Berhad	28.02.2023	Bayaran Prinsipal dan Faedah Bon 1MDB Global Investment Limited Menggunakan Vot Amanah	407.00
		23.05.2023	Bayaran Kupon Sukuk Menggunakan Vot Amanah	143.75
		28.06.2023	Perbelanjaan Operasi	60.00
		03.11.2023	Pelunasan Hutang (selain Jaminan Kewangan)	2,872.00
		15.11.2023	Pelunasan Hutang (selain Jaminan Kewangan)	900.00
		23.11.2023	Bayaran Kupon Sukuk Menggunakan Vot Amanah	143.75
<b>Jumlah 1Malaysia Development Berhad</b>				<b>4,526.50</b>
2.	MKD Signature Berhad	27.01.2023	Perbelanjaan Operasi	0.08
		16.11.2023	Perbelanjaan Operasi	0.08

BIL.	SYARIKAT	TARIKH PENYALURAN	TUJUAN PENYALURAN	JUMLAH (RM JUTA)
		22.12.2023	Perbelanjaan Operasi	82.49
<b>Jumlah MKD Signature Berhad</b>				<b>82.65</b>
3.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	19.04.2023	Perbelanjaan Operasi	0.19
		10.10.2023	Perbelanjaan Operasi	0.19
		16.11.2023	Perbelanjaan Operasi	1.32
<b>Jumlah Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.</b>				<b>1.70</b>
4.	Govco Holdings Berhad	04.10.2023	Perbelanjaan Operasi	0.50
<b>Jumlah Govco Holdings Berhad</b>				<b>0.50</b>
5.	Digital Nasional Berhad	18.05.2023	Suntikan Modal	450.00
<b>Jumlah Digital Nasional Berhad</b>				<b>450.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>5,061.35</b>

Sumber: Arahan Pembayaran, Data iGFMAS dan dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

## 2. RUMUSAN

2.1. Secara keseluruhannya, kedudukan Liabiliti Persekutuan pada akhir tahun 2023 menunjukkan peningkatan dengan Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK pada kadar 81.8% berbanding 78.0% pada tahun 2022. Ini berikutan kadar pertumbuhan KDNK nominal pada 2023 adalah sebanyak 1.6% lebih perlahan berbanding 2022 pada 15.8%.

2.2. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2023 pada kedudukan 64.3% juga meningkat berbanding 60.2% pada tahun 2022. Komitmen Jaminan juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.288 bilion (1.5%) kepada RM227.404 bilion berbanding sejumlah RM224.116 bilion pada tahun 2022.

2.3. Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi perhatian serius terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik pinjaman yang akan matang memandangkan Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan peruntukan bagi melunaskan pinjaman yang akan matang sejumlah RM773.750 bilion dalam tempoh 10 tahun. Di samping itu, pinjaman yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan perlu dioptimumkan penggunaannya untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi seterusnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

## 3. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan pengurusan Hutang Persekutuan yang berhemat bagi mengurangkan pendedahan hutang dan liabiliti serta pemantauan terhadap tindakan rasionalisasi dan konsolidasi, yang menetapkan sasaran defisit tidak melebihi 3% kepada KDNK; hutang negara tidak melebihi 60% kepada KDNK; dan Jaminan Kewangan tidak melebihi 25% kepada KDNK sejajar dengan objektif fiskal di bawah Akta 850.

## 1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)

### LATAR BELAKANG

1. Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan peruntukan kepada syarikat bagi melunaskan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*] dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Pada tahun 2023, Komitmen Jaminan berjumlah RM227.404 bilion meningkat sejumlah RM3.288 bilion (1.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM224.116 bilion. Daripada jumlah tersebut, baki Komitmen Jaminan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah Sukuk Islamic Medium Term Notes (IMTN) sebanyak RM5 bilion yang akan matang pada tahun 2039.

2. Kerajaan Persekutuan telah mula melaporkan Komitmen Jaminan terhadap pinjaman syarikat 1MDB sebanyak RM32.208 bilion (2017: RM31.651 bilion) dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2018. Pelaporan dalam penyata kewangan tersebut adalah berbangkit daripada *Letter of Support* dan *Settlement Agreement* Pinjaman syarikat 1MDB oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Kedudukan baki Komitmen Jaminan syarikat 1MDB bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga 2023 telah menunjukkan penurunan berikutan penyaluran geran oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pelunasan pinjaman syarikat 1MDB. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**BAKI KOMITMEN JAMINAN**  
**SYARIKAT 1MDB BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023**

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	AMAUN PRINSIPAL (BILION)	TARIKH MATANG	2023	2022	2021	2020	2019
				RM BILION	RM BILION	RM BILION	RM BILION	RM BILION
1.	Islamic Medium Term Notes	RM5.000	27.05.2039	5.000	5.000	5.000	5.000	5.000
2.	1MDB Global Investment Limited	USD3.000	09.03.2023	-	13.170	12.495	12.051	12.421
3.	1MDB Energy (Langat) Limited	USD1.750	18.10.2022	-	-	7.289	7.030	7.246
4.	1MDB Energy Limited	USD1.750	11.05.2022	-	-	7.289	7.030	7.246
<b>JUMLAH</b>				<b>5.000</b>	<b>18.170</b>	<b>32.073</b>	<b>31.111</b>	<b>31.913</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023 dan Data IGFMAS

## PENYALURAN GERAN

4. Kerajaan Persekutuan membuat penyaluran geran Komitmen Jaminan kepada syarikat 1MDB menggunakan pelbagai sumber bagi tujuan pelunasan pinjaman yang terdiri daripada peruntukan pembangunan, mengurus, Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA), Dana Mudahcara dan Tabung Harapan.

5. Penyaluran geran untuk pelunasan pinjaman syarikat 1MDB mula dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 (2020: RM507.00 juta, 2019: RM277.20 juta).

6. Bagi tempoh 2019 hingga 2023, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan geran sejumlah RM39.737 bilion daripada pelbagai sumber bagi tujuan pelunasan prinsipal dan pelbagai perbelanjaan bayaran seperti faedah bon, bayaran kupon dan belanja operasi. Pada tahun 2023, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan geran bagi pembayaran prinsipal dan faedah Bon 1MDB Global Investment Limited (1MDB GIL) yang telah matang berjumlah RM14.410 bilion. Prinsipal bon tersebut berjumlah RM14.100 bilion (USD3 bilion) dan faedah berjumlah RM0.310 bilion (USD0.066 bilion). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PENYALURAN GERAN**  
**KEPADA 1MDB BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023**

TAHUN	PRINSIPAL (RM BILION)	PELBAGAI PERBELANJAAN (RM BILION)	JUMLAH PELUNASAN (RM BILION)
2019	-	1.705	1.705
2020	-	1.740	1.740
2021	-	1.700	1.700
2022	15.524	1.541	17.065
2023	14.100	3.427*	17.527
<b>JUMLAH</b>	<b>29.624</b>	<b>10.113</b>	<b>39.737</b>

Sumber: Data iGFMAS, Arahan Pembayaran, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023 dan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2022

Nota: \*Termasuk faedah Bon 1MDB GIL sebanyak RM0.310 bilion

7. Bagi tahun 2022 dan 2023, penyaluran geran kepada syarikat 1MDB bagi pelunasan prinsipal dan pelbagai perbelanjaan seperti faedah bon, bayaran kupon dan belanja operasi menggunakan peruntukan pembangunan dan AAMKA. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PENYALURAN GERAN KEPADA SYARIKAT 1MDB MENGIKUT**  
**SUMBER PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2023 BERBANDING 2022**

TAHUN	SUMBER PEMBIAYAAN		JUMLAH (RM BILION)
	PEMBANGUNAN (RM BILION)	AMANAH (RM BILION)	
2023	13.000	4.527	17.527
2022	1.530	15.535	17.065
<b>JUMLAH</b>	<b>14.530</b>	<b>20.062</b>	<b>34.592</b>

Sumber: Data iGFMAS, Arahan Pembayaran, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2022 hingga 2023 dan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2023

**Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset**

8. AAMKA ditubuhkan pada 14 Disember 2018 di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menerima dan menggunakan dana berkaitan syarikat 1MDB dan SRC International Sdn. Bhd. (SRC) daripada pelbagai pihak, sama ada dari dalam atau luar negara.

9. Terimaan AAMKA ini adalah daripada sumber seperti dana daripada aktiviti mendapatkan kembali aset berkaitan syarikat 1MDB dan SRC, keuntungan daripada urus niaga dan penilaian pertukaran mata wang asing dan faedah pelaburan simpanan tetap yang diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

10. Pada tahun 2023, terimaan keseluruhan AAMKA direkodkan berjumlah RM3.991 bilion. Terimaan utama antaranya adalah hasil penyelesaian global yang dimeterai dengan International Petroleum Investment Company dan Aabar Investments PJS berjumlah RM3.529 bilion dan terimaan faedah pelaburan simpanan tetap pada tahun 2023 adalah berjumlah RM0.176 bilion.

11. Wang daripada akaun amanah ini antaranya digunakan untuk membayar hutang syarikat 1MDB dan SRC; menampung kos operasi AAMKA; menampung kerugian daripada urus niaga dan penilaian pertukaran mata wang asing; menampung kos operasi syarikat 1MDB dan SRC; dan pelaburan simpanan tetap yang ditadbir oleh JANM.

12. Dana AAMKA sejumlah RM4.573 bilion telah digunakan untuk pelunasan komitmen bayaran prinsipal dan faedah pinjaman matang tahun 2023 yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, pelunasan hutang serta menampung kos operasi syarikat 1MDB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**BAYARAN AAMKA TAHUN 2023**

BTL.	PERKARA	JUMLAH (RM BILION)
1.	Bayaran Pelunasan Hutang Syarikat Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	2.163
2.	Pelunasan Hutang	0.900
3.	Bayaran Pelunasan Hutang Syarikat Hartanah Mampan Sdn. Bhd.	0.709
4.	Bayaran Prinsipal dan Faedah Bon 1MDB Global Investment Limited	0.407
5.	Faedah Sukuk Bulan Mei 2023	0.144
6.	Faedah Sukuk Bulan November 2023	0.144
7.	Bayaran Perbelanjaan Operasi	0.060
8.	Pemulangan Dana Penyelesaian Deloitte PLT kepada SRC	0.046
<b>JUMLAH</b>		<b>4.573</b>

Sumber: Arahan Pembayaran dan Data iGFMS

13. AAMKA ini hendaklah ditutup sekiranya telah mencapai maksud penubuhan, tidak aktif dalam tempoh satu tahun atau selewat-lewatnya pada 31 Mei 2028. Butiran mengenai terimaan dan bayaran AAMKA sejak ditubuhkan sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**BAKI AAMKA BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023**

BUTIRAN	TAHUN				
	2023	2022	2021	2020	2019
	RM BILION	RM BILION	RM BILION	RM BILION	RM BILION
Baki Awal Tahun	1.927	15.281	11.477	0.696	-
Terimaan	3.991	2.295	5.045	12.683	1.498
Jumlah Bayaran	4.573	15.649	1.241	1.902	0.802
<b>Baki Akhir Tahun</b>	<b>1.345</b>	<b>1.927</b>	<b>15.281</b>	<b>11.477</b>	<b>0.696</b>

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran AAMKA Tahun 2019 hingga 2023

14. Kerajaan Persekutuan perlu membuat pelunasan bayaran kupon IMTN sebanyak RM287.50 juta setahun dengan unjuran sebanyak RM4.456 bilion dari tahun 2024 sehingga tempoh matang pada tahun 2039. Pada tahun 2023, pelunasan bayaran kupon dibiayai menggunakan dana AAMKA seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PELUNASAN KUPON SUKUK**  
**TERBITAN SYARIKAT 1MDB BAGI TAHUN 2023**

BUTIRAN JAMINAN	BAYARAN FAEDAH PINJAMAN		
	TARIKH BAYARAN	SUMBER DANA	AMAUN (RM JUTA)
Islamic Medium Term Notes	23.05.2023	AAMKA	143.75
	23.11.2023	AAMKA	143.75
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>287.50</b>

Sumber: Data IGFMAS, buku amanah dan dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

## RUMUSAN

15. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan geran berjumlah RM39.737 bilion kepada syarikat 1MDB bagi tempoh 2019 hingga 2023 untuk tujuan pelunasan prinsipal dan perbelanjaan lain termasuk faedah bon serta bayaran kupon. Di samping pelunasan tersebut, Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan peruntukan berjumlah RM9.456 bilion yang terdiri daripada sejumlah RM5 bilion bagi prinsipal IMTN yang akan matang pada 27 Mei 2039 dan RM4.456 bilion bagi bayaran kupon IMTN bagi tempoh 2024 sehingga 2039 (15 tahun 6 bulan).

## SYOR AUDIT

16. Kerajaan Persekutuan hendaklah mendapatkan aset berkaitan syarikat 1MDB dan SRC dari pelbagai pihak sama ada dari dalam dan luar negara dan menggunakan dana tersebut bagi menampung perbelanjaan balik hutang syarikat 1MDB dan SRC serta perbelanjaan hutang lain memandangkan AAMKA akan ditutup selewat-lewatnya pada tahun 2028, seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah AAMKA.